

Mohamed dedah tujuan sebenar usaha bawa Umno ke Sarawak

BH - 8 SEP 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kumpulan yang diketuai Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, dikatakan bersungguh-sungguh untuk membawa masuk Umno ke Sarawak sebagai strategi untuk menjatuhkan kepemimpinan sedia ada.

Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata usaha membawa masuk Umno ke Sarawak sebenarnya didalangi oleh penyokong Datuk Seti Anwar Ibrahim pada 1996 untuk menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini kerana dengan penubuhan 28 bahagian (Umno) di Sarawak... dia harap dapat satu kekuatan besar yang boleh digunakan dari segi perwakilan ke perhimpunan agung untuk menjatuhkan presiden," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata, usaha itu gagal dan kini kumpulan yang diketuai Abang Abu Bakar, cuba meneruskan rancangan itu untuk menjatuhkan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

"Oleh itu, saya harap orang Sarawak faham tentang kononnya ada perjuangan nak membawa Umno ke Sarawak ini. Sarawak sudah menjadi satu negeri yang cukup stabil sekarang, kita nak ia dikekalkan," katanya.

Sebelum ini, Abang Abu Bakar yang juga bekas Timba-

Ian Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dipetik sebagai berkata bahawa kumpulannya akan bertanding di 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya negeri Sarawak sebagai langkah meneruskan rancangan membawa Umno ke Sarawak.

Abang Abu Bakar dalam kenyataannya yang dipetik *Bernama*, berkata jika calonnya yang bertanding atas tiket bebas menang, mereka akan menerima kedatangan Umno dengan tangan terbuka jika parti itu mahu mengembangkan sayapnya ke negeri itu.

Bagaimanapun, baru-baru ini Dr Mahathir berkata Umno tidak ada kena mengena dengan pilihan raya negeri itu kecuali memberi sokongan padu kepada calon parti Barisan Nasional (BN).

Mohamed yang juga bekas Setiausaha Agung Umno berkata Umno selama ini sudah menyatakan pendirian bahawa parti itu tidak akan mengembangkan sayap ke Sarawak.

"Kalau pun Umno nak masuk ke Sarawak, ini mesti atas kehendak rakyat Sarawak, rakyat Sarawak pada keseluruhannya, bukan atas kehendak beberapa kumpulan orang," katanya.

Beliau yakin kumpulan 45 calon bebas diketuai Abang Abu Bakar itu akan gagal dan yakin BN pimpinan Abdul Taib akan kembali berkuasa menerajui Sarawak.